

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.8 ()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 12 TAHUN 2025**

Tarikh : 29 Disember 2025 (Isnin)
Masa : 3.00 petang - 5.00 petang
Tempat : Hotel Hilton, Kuching, Sarawak
Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Mohd Fadil bin Alos, Penolong Pengarah Audit Dalam.

2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN DISEMBER 2025

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Disember 2025 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan limpah kurniaNya, kita dikurniakan kesihatan yang baik serta diberi kesempatan untuk menghadiri Mesyuarat Penuh MBSJ yang terakhir bagi tahun 2025. Seterusnya menyampaikan beberapa maklumat iaitu:

- i. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 38/2025 diadakan pada 19 Disember 2025 telah menimbang dan meluluskan cadangan pelantikan Ahli Majlis di 12 PBT Negeri Selangor bagi sesi 2026-2027. Sehubungan dengan itu, Majlis Bandaraya Subang Jaya juga telah bersetuju untuk melaksanakan Majlis Angkat Sumpah dan Penandatanganan Watak Ahli Majlis, MBSJ pada 9 Januari 2026 (Jumaat), jam 9.30 pagi. Bersempena hari Jumaat, ditetapkan pakaian adalah baju melayu lengkap / *lounge suit* gelap bagi lelaki dan baju kebangsaan yang sopan bagi wanita.
- ii. Amanat Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Haji Shamsul Azri bin Abu Bakar dalam Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam 2025, menekankan kepentingan seluruh penjawat awam untuk memperkukuh komitmen, disiplin, inovasi dan integriti dalam melaksanakan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA). Forum ini membincangkan hala tuju

transformasi sektor awam, serta memperkukuh kerjasama antara semua agensi kerajaan.

Ketua Setiausaha Negara juga turut menekankan kepentingan membina budaya kerja yang menyeronokkan, berteraskan nilai kemesraan dan keadilan. Apabila suasana tempat kerja positif dan inklusif, para penjawat awam dapat berkhidmat dengan lebih ikhlas, cekap dan bersemangat demi rakyat.

Datuk Bandar meminta budaya kerja ini diterapkan di Majlis Bandaraya Subang Jaya agar suasana kerja lebih harmoni dan hasil kerja juga meningkat dengan positif. Beliau meminta semua Ketua Jabatan agar lebih prihatin dan bertindak adil dengan mengambil kira pelbagai aspek. Kemahiran interpersonal adalah sangat penting dalam menguruskan dan menangani isu-isu yang berbangkit.

- iii. Datuk Bandar memaklumkan berkenaan pendapatan hasil Majlis Bandaraya Subang Jaya yang telah mencapai kutipan hasil 102% dengan kutipan sebanyak RM374.8 juta. Ianya telah melebihi anggaran hasil yang ditetapkan semasa penyediaan Bajet 2025 iaitu sebanyak RM364.5 juta.

Walau bagaimanapun, Majlis menjangkakan kutipan hasil akan mencecah RM380 juta pada 31 Disember 2025 ini. Bil Cukai Taksiran bagi Penggal Pertama 2026 telah pun diproses dan

pembayar cukai boleh mendapatkan bil cukai mereka melalui portal EzyMBSJ, aplikasi GEMILANG dan juga melalui WhatsApp Biz MBSJ.

Pembayar cukai juga berpeluang memenangi hadiah Cabutan Bertuah Emas 999 yang bernilai keseluruhan RM30,000.00. Tempoh kempen pembayaran bermula daripada 1 Disember 2025 sehingga 28 Februari 2026 untuk pembayaran melalui QR DuitNow di PBTpay tertakluk kepada terma dan syarat.

- iv. Seterusnya pemakluman berkenaan Pelan Pengurusan Risiko Pokok Majlis Bandaraya Subang Jaya yang diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar MBSJ Bil. 12/2025. Pelan ini terpakai mulai 2026 hingga 2028 dan akan ditambahbaik dari semasa ke semasa.

Pelan ini mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi dalam pengurusan risiko pokok di kawasan pentadbiran Majlis dan seterusnya menyediakan perancangan kerja serta strategi pengurusan risiko secara keseluruhan. Ia juga merupakan satu keperluan dalam semakan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) pada tahun 2026.

- v. Seterusnya, situasi semasa demam denggi di MBSJ sehingga

minggu epid ke-51 tahun 2025, MBSJ telah mencatatkan sebanyak 3,353 kes positif demam denggi. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 55.5% jika dibandingkan dengan kumulatif kes pada minggu epid yang sama di tahun 2024 iaitu sebanyak 7540 kes.

Terdapat tiga (3) Lokaliti Hotspot pada minggu Epid ke-51 ini iaitu di Taman Muhibbah Seri Kembangan, Taman Puchong Utama (Jalan PU 10) dan PJS 7/15 (Flat Kos Rendah) Blok A, B, C, D, E, F, G, H dan K. Kawalan dan pencegahan demam denggi terus dijalankan di kawasan yang dilaporkan kes demam denggi bagi membendung penularan kes demam denggi seperti Pemeriksaan Tempat Pembiakan (PTP), Semburan larvaciding, dan Pengwasapan ('fogging').

Pendidikan kesedaran tentang demam denggi turut dijalankan di lokaliti-lokaliti berpotensi. Penduduk disarankan untuk membuat langkah-langkah pencegahan seperti kempen 10 minit, gotong-royong memusnahkan lokasi potensi tempat pembiakan Aedes. Seterusnya, sekiranya terdapat simptom demam denggi, penduduk dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan dengan segera.

- vi. Datuk Bandar juga mengambil kesempatan mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas kepada semua penganut

agama Kristian serta penduduk di kawasan pentadbiran MBSJ yang merayakannya.

Seterusnya mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2026 yang akan tiba 3 hari lagi. Semoga tahun mendatang lebih menjanjikan kebahagiaan, keceriaan, keharmonian dan kesejahteraan daripada tahun sebelumnya.

4.0 IKRAR PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN

Setiausaha Mesyuarat membacakan Ikrar Pengisytiharan Kepentingan bagi pihak semua Ahli Mesyuarat seterusnya Ahli Mesyuarat bersetuju dan mengambil maklum berhubung perkara ini.

5.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL.11/2025

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 11/2025 bertarikh 28 November 2025 disahkan tanpa pindaan.

6.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 11/2025

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 11/2025 bertarikh 28 November 2025 disahkan semua tindakan telah diselesaikan dan tiada sebarang perkara berbangkit.

7.0 PENGESAHAN KEPUTUSAN DAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

7.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.12/2025 bertarikh 3 Disember 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Cadangan |
|-----|----------------|-------------------|---|---|
| 1. | Hal-hal lain | Puan Lee Jen Uyin | Penambahbaikan fungsi Jawatankuasa Perancangan Bandar | Beliau mencadangkan supaya mengkaji semula fungsi dan peranan jawatankuasa ini. Majlis perlu meneliti semula mengenai pembentangan taklimat daripada agensi yang dijemput supaya memberikan nilai tambah dan impak yang lebih besar kepada MBSJ. Selain itu, dicadangkan jawatankuasa juga perlu membentangkan laporan |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Cadangan |
|-----|----------------|-------------|---------|--|
| | | | | <p>inventori, antaranya berkaitan <i>public safety</i>, laluan bas Smart Selangor, laporan perancangan dan pencapaian <i>Sustainable Development Goals (SDG)</i>, status laporan pemutihan kilang, perancangan <i>EV Charger</i> dan lain-lain info berhubung perancangan bandar raya. Semua perkara ini adalah penting kerana kita akan sentiasa memaklumkan mengenai status terkini kepada masyarakat.</p> |
| | | | | <p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan cadangan ini. Walau bagaimana pun, perkara ini hendaklah dibahagikan di dalam mesyuarat teknikal</p> |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Cadangan |
|-----|----------------|-------------|---------|--|
| | | | | <p>atau jawatankuasa kecil untuk dibentang dan dibincangkan. Jabatan diminta untuk menyenaraikan semua mesyuarat mengikut fungsi yang bersesuaian seterusnya melaksanakan mesyuarat ini secara berjadual.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</p> |

7.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 23/2025 bertarikh 8 Disember 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 24/2025 bertarikh 18 Disember 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Cadangan |
|-----|-----------------------|-----------------------------------|---|--|
| 1. | Para 24 & m/s 7 dan 8 | Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin | Permohonan Serentak : Kebenaran Merancang + Pelan Kerja Tanah + Pelan Jalan dan Perparitan + Pelan Bangunan + Pelan Landskap + Pelan Alamat + Permit Sementara. | Beliau memohon untuk mengekalkan syarat pembinaan sebuah sekolah. Seterusnya Majlis perlu tegas dan tidak bekompromi untuk bersetuju dengan cadangan pemaju memberikan sumbangan caruman pendidikan. Pemaju juga perlu mematuhi syarat pembinaan sebuah masjid yang ditetapkan. Pemaju boleh menaik taraf surau sedia ada sekiranya mempunyai kekangan untuk membina masjid. |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Cadangan |
|-----|----------------|-------------|---------|---|
| | | | | <p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat meminta Jabatan OSC dan Jabatan Perancangan Bandar mengambil maklum berkenaan perkara tersebut.</p> <p>Tindakan : Jabatan OSC dan Jabatan Perancangan Bandar</p> |

7.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 12/2025 bertarikh 9 Disember 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 12/2025 bertarikh 10 Disember 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Cadangan |
|-----|-----------------------------|---|---|--|
| 1. | Para 5.4 & m/s 9 dan m/s 14 | Encik Thamilarusu a/l Sandayan | Hal-hal Lain / Senarai Kehadiran Mesyuarat | Memaklumkan nama bapa beliau tersilap dan memohon dibuat pembetulan. Maklum balas Mesyuarat : Mesyuarat memohon maaf dan urus setia Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam diminta untuk membuat pembetulan. Tindakan : Jabatan Kejuruteraan |
| 2. | Hal-hal lain | Ecik Kamarul | Pematuhan syarat infra | Beliau memaklumkan bahawa Pemaju Mazkamaz telah |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Cadangan |
|-----|----------------|---------------------|---|--|
| | | Hafiz bin Kamarudin | kepada pihak pemaju yang diluluskan pemajuan. | <p>disyaratkan pemasangan lampu isyarat di Persimpangan Jalan Persiaran Puchong Permai dan Jalan Prima Utama 1. Mohon semakan berhubung perkara ini kerana bimbang dengan kemalangan yang kerap berlaku di kawasan ini.</p> <p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat meminta Jabatan menyemak dan mengambil tindakan segera terhadap perkara ini.</p> <p>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</p> |

7.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 12/2025 bertarikh 16 Disember 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Cadangan |
|-----|-----------------------|--------------------------------|--|--|
| 1. | Para 8.3 (i) & m/s 10 | Encik Thamilarusu a/l Sandayan | Operasi bersepadu terhadap kedai-kedai milik warga asing dan memastikan semua kedai menyediakan tong sampah. | Beliau memohon untuk memanjangkan pelaksanaan operasi bersepadu ini ke semua kawasan supaya pemantauan dan tindakan yang lebih efektif dilaksanakan. Maklum balas mesyuarat: Mesyuarat bersetuju dan meminta tindakan secara menyeluruh diambil kepada pemilik premis yang gagal dan ingkar arahan Majlis, terutamanya berniaga tanpa |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Cadangan |
|-----|----------------|-------------------|------------------------|--|
| | | | | <p>lesen. Majlis juga akan melaksanakan pemeriksaan mengejut dari masa ke masa untuk pemeriksaan premis yang melanggar arahan dan peraturan Majlis.</p> <p style="text-align: center;">Tindakan : Jabatan Pelesenan, Unit Integriti, Jabatan Penguatkuasaan</p> |
| 2. | Hal-hal lain | Puan Lee Jen Uyin | Pemantauan Anjing Liar | <p>Beliau mencadangkan penyediaan Garis Panduan Pemantauan Anjing Liar di Kawasan Tapak Pembinaan. Isu ini sangat berleluasa di kawasan tapak pembinaan baharu dengan alasan untuk menjaga kawasan tersebut.</p> <p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Jabatan perlu meneliti isu ini dan mengadakan</p> |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Cadangan |
|-----|----------------|-------------------------|--------------------------------|--|
| | | | | <p>perbincangan dengan pihak NGO dan pihak-pihak berkaitan tentang cara untuk menangani isu anjing liar yang berleluasa di kawasan tapak pembinaan.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Kesihatan</p> |
| 3. | Hal-hal lain | Puan Suzanah Hanim Wong | Sistem Pengurusan Lesen Anjing | <p>Beliau mencadangkan untuk membangunkan Sistem Pengurusan Lesen Anjing bagi memudahkan masyarakat membuat permohonan dan pembaharuan lesen secara dalam talian.</p> <p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat bersetuju supaya Sistem Pengurusan Lesen Anjing dibangunkan dengan</p> |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Cadangan |
|-----|----------------|-------------|---------|--|
| | | | | <p>kadar segera bagi memudahkan pelanggan.</p> <p>Tindakan : Jabatan Teknologi Maklumat / Jabatan Kesihatan</p> |

7.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 12/2025 bertarikh 17 Disember 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 12/2025 bertarikh 19 Disember 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 12/2025 bertarikh 22 Disember 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Cadangan |
|-----|----------------|-------------------|--|---|
| 1. | Hal-hal lain | Puan Lee Jen Uyin | Pembinaan gelanggang kemudahan sukan seperti badminton, bola keranjang, bola tampar, futsal dan lain-lain. | <p>Pemerhatian semasa mendapati kemudahan gelanggang sukan sedia ada dalam keadaan tidak memuaskan. Sehubungan dengan itu, beliau mencadangkan supaya Majlis membuat semakan semula dan melaksanakan baik pulih atau pembinaan baharu mengikut keperluan serta spesifikasi pembinaan yang lebih baik.</p> <p>Keputusan mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat bersetuju dan memutuskan kerja-kerja pembinaan dan</p> |

| Bil | Para & M/Surat | Ahli Majlis | Perkara | Cadangan |
|-----|----------------|-------------|-----------------------------|--|
| | | | | <p>penyelenggaraan kemudahan gelanggang sukan diserahkan sepenuhnya kepada Jabatan Landskap berkuatkuasa pada tahun 2026. Jabatan perlu membaik pulih semula semua kemudahan gelanggang sukan sedia ada dan meneliti keperluan pembinaan baharu sekiranya perlu berdasarkan peruntukan bajet Majlis.</p> <p>Tindakan : Jabatan Landskap</p> |
| 2. | - | - | Pengurusan Kenderaan Majlis | <p>Datuk Bandar telah memutuskan pengurusan perolehan, penyelenggaraan dan pelupusan kenderaan Majlis diserahkan kepada Jabatan Khidmat Pengurusan berkuatkuasa Januari 2026.</p> <p>Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan / Jabatan Kejuruteraan</p> |

8.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT

8.1 Kertas Cadangan Pelanjutan Tempoh Program Publisiti dan Penyertaan Awam, Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Pengubahan 1) selaras dengan Seksyen 13 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) (Kertas Mesyuarat bil. 9/12/2025)

Kertas mesyuarat ini telah disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan dibentangkan oleh Tuan TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin, Pengarah Perancangan Bandar.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima Cadangan Pelanjutan Tempoh Program Publisiti dan Penyertaan Awam, Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Pengubahan 1) selaras dengan Seksyen 13 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) ini. Tempoh pelanjutan adalah bermula 1 hingga 31 Januari 2026.

Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar

9.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik M. Anbarasan a/l Murugesu, Whip daripada Parti PKR.

10.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.00 petang.

Tarikh Disediakan : 2 Januari 2026

“KITASELANGOR MAJU BERSAMA”

“MALAYSIA MADANI”

“MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI”

Disediakan oleh;



(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), S.M.S, A.M.N

Timbalan Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;



(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM), D.I.M.P

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR

1. YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, D.I.M.P. - Pengerusi
Datuk Bandar
2. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, S.M.S., A.M.N. - Setiausaha
Timbalan Datuk Bandar Mesyuarat
3. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Timbalan Setiausaha

HADIR (AHLI MAJLIS)

4. Puan Lee Jen Uyin - Ahli
Mesyuarat
5. Encik M. Anbarasan a/l Murugesu - "
6. Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim - "
7. Encik Thomas Low Yew Sin - "
8. Encik Chia Yew Ken - "
9. Encik Thamilarusu a/l Sandayan - "
10. Puan Ng Seow Chen - "
11. Encik Mohd Tarmizi bin Lazim - "
12. Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin - "
13. Tuan Ir. Balachandran Naicker - "

- | | | | |
|-----|-----------------------------------|---|---|
| 14. | Encik Tey Han Cherk | - | " |
| 15. | Puan Suzanah Hanim Wong | - | " |
| 16. | Encik Tey Boon Kiat | - | " |
| 17. | Puan Sarawati binti Mukhtar | - | " |
| 18. | Encik Pravin a/l Murali | - | " |
| 19. | Encik Tah Yap Keong | - | " |
| 20. | Encik Parithi Vaanan a/l Ramasamy | - | " |
| 21. | Encik Muhammad Fauzan bin Rosli | - | " |
| 22. | Encik Khairol Basri bin M. Arif | - | " |
| 23. | Encik Saidin bin Awang | - | " |
| 24. | Encik Nanthakumar a/l Poapalan | - | " |
| 25. | Puan Sri Devi a/p Chenchiah | - | " |

(PEGAWAI MBSJ)

- | | |
|-----|---|
| 26. | Tuan Hj. Affandi bin Hj. Jaafar Pengarah, Jabatan Perbendaharaan |
| 27. | Encik Muhammad Zaki bin Yusoff Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan |
| 28. | Puan Hajah Anita binti Abd Jalil, P.P.T. Pengarah, Jabatan Undang-Undang |

29. Puan Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
30. Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
31. Puan Nik Zalina binti Megat Muda, CeIO
Pengarah, Jabatan Pelesenan
32. Tuan Ir. Dr Hj. Mohd Ariffuddin bin Hj. Kamari
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
33. Tuan TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
34. Puan Ts. Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
35. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
36. Tuan Sr. Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
37. Puan Sarina binti Saad
Pengarah, Jabatan OSC
38. Cik Haslinda binti Mohd Rantam, A.I.S
Pengarah, Jabatan Bangunan
39. Puan Sr. Nornizam binti Mohd Jusoh
Pengarah, Jabatan COB
40. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Kesihatan

41. Puan Dr. Nurnawwar binti Arpaai
Timbalan Pengarah, Jabatan Kesihatan
42. Encik Mohd Reyza bin Mazlan
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
43. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
44. Puan Norsilawati binti Mohamed Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
45. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah Kanan, Unit Audit Dalam
46. Encik Mohd Herman bin Musanip
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Unit Integriti

URUS SETIA

47. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
48. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
49. Encik Muhammad Zulfikar bin Jalaltheen
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Encik Thong Kim Fatt - Ahli Majlis
2. Encik Mehanatan a/l Embamurthi - Ahli Majlis

